



MOHD. Harun Abdullah (kiri) menyampaikan cenderamata kepada wartawan Utusan Malaysia, Assim Hassan dalam majlis makan malam bersama media di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

UMS jana kecemerlangan ke tahap lebih tinggi

UM 26·2·2014 26

KOTA KINABALU 25 Feb. - Selari dengan sambutan 20 tahun penuh buatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun ini, tema 'Merobah Idea Menjadi Realiti' akan diguna pakai oleh universiti itu sebagai manifestasi untuk menjadi lebih matang, kreatif dan praktikal dalam setiap tindakan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, pemilihan 'merobah' dan bukannya merubah adalah lebih tepat yang bermaksud menjadikan sesuatu yang lain daripada asal, selain konseptual perkataan merobah itu sendiri yang merujuk kepada tindakan segera, pantas dan tepat.

Katanya, UMS akan merobah pelbagai aspek bagi memastikan universiti itu mampu menjana kecemerlangan ke tahap yang lebih tinggi, termasuk pertukaran pengguna-

an nama 'sekolah' kepada fakulti dan nama-nama kolej kediaman kampus.

"Kita sedaya upaya akan menjalankan aktiviti bermanfaat bukan sahaja dalam kalangan pelajar, tetapi juga kepada masyarakat dan negara," katanya ketika berucap merasmikan majlis makan malam bersama media, di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama, Pemangku Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA), Francis Fahrin.

Dalam majlis tersebut, beberapa anugerah diberikan kepada pengamal media di negeri ini yang telah banyak membantu melonjakkan UMS ke satu tahap yang lebih tinggi.

Mengulas lanjut, Mohd. Harun berkata, pada tahun ini menerusi Bahagian Media dan Citra akan mengadakan wacana ilmu 'Dialog

Orang Sepanggar' yang akan membincangkan isu-isu semasa nasional dengan lebih kerap.

Selain itu, menurutnya, bengkel 'Bedah Buku' akan turut dianjurkan pada tahun ini bagi mengupas tentang buku-buku hasil penerbitan UMS dan penganjuran 'Malam Puisi Riong' buat kali kedua.

Sehubungan itu, katanya, UMS menjemput semua pengamal media untuk terus berganding bahu dan berkerjasama dari segi liputan akhbar, selain memperbanyakkan penulisan rencana mengenai aktiviti serta kajian oleh penyelidik universiti itu.

"Semoga persahabatan UMS dengan sahabat media akan terus terjalin erat dan memastikan kesinambungan ke arah memacu kecemerlangan ilmu negeri Sabah dan Malaysia amnya," katanya.